

01/03/1999

Azizah perlu fikir kesan tindakan

KUALA TERENGGANU, Ahad - Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad meminta isteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail supaya memikirkan kepentingan umum sebelum mengumumkan hasrat bertanding di mana-mana kawasan pada pilihan raya akan datang.

"Tidak ada guna untuk bertanding di mana-mana kawasan semata-mata bermatlamat untuk membalas dendam," katanya sebagai mengulas hasrat Dr Wan Azizah untuk menentang Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kubang Pasu, Kedah pada pilihan raya nanti.

Sambil menegaskan ia adalah hak Dr Wan Azizah untuk bertanding, namun beliau perlu melihat kesan tindakannya itu daripada pelbagai sudut demi kepentingan negara.

"Negara mengamalkan sistem demokrasi dan terpulang kepada Wan Azizah ataupun mana-mana pihak untuk bertanding dalam pilihan raya," katanya kepada pemberita di majlis sambutan Aidilfitri di Dewan Undangan Negeri (DUN) Tepoh, semalam.

Beliau yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri berkata demikian sebagai mengulas hasrat isteri bekas Timbalan Perdana Menteri itu yang mahu bertanding di Parlimen Kubang Pasu dalam pilihan raya akan datang.

(END)